

'Sidek boleh rapatkan sektor awam, swasta'

BH - 5/9/2006

PUTRAJAYA: Pengalaman luas Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baru, Tan Sri Sidek Hassan terutama dalam konteks hubungannya dengan sektor perniagaan, boleh menjadi jambatan merapatkan lagi kerjasama sektor awam dan swasta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ia boleh membantu menjana ekonomi dan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam carta Daya Saing Global, sekali gus meletakkan negara dalam tahap 10 terbaik pada masa depan.

Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang berpangkalan di Geneva dalam Laporan Daya Saing Global 2005-2006, meletakkan Malaysia di tangga ke-24 daripada 117 negara di seluruh dunia dari segi daya saing ekonomi.

Kedudukan itu, naik tujuh anak tangga daripada sebelumnya, sekali gus menjadikan Malaysia ekonomi kelima paling berdaya saing selepas Taiwan, Singapura, Jepun dan Korea Selatan.

Sehubungan itu, Abdullah mahu kakitangan awam meningkatkan keupayaan kerana tidak mudah untuk meningkatkan kedudukan ke peringkat lebih tinggi dalam saingan global apatah lagi mengekalkannya.

Beliau berkata, pengalaman luas Sidek sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) yang banyak berurusan dengan swasta seperti majlis dialog prabudget selain perbincangan pada peringkat antarabangsa bagi merangka Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), boleh membantu mencapai matlamat itu.

"Ini panduan baginya dan perkhidmatan awam supaya mening-



TUGAS BARU: Abdullah berjabat dengan Sidek pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

katkan jalinan kerjasama sedia rapat sektor awam dan swasta untuk terus menjana ekonomi negara. Beliau boleh jadi juara dalam perkhidmatan awam.

"Pengalaman luasnya amat berguna dan saya percaya beliau berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi misi dan visi negara," katanya pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri

di sini, semalam.

Sebelum memulakan ucapannya, Abdullah memperkenalkan Sidek yang memulakan tugas sebagai KSN mulai semalam menggantikan Tan Sri Samsudin Osman. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Abdullah juga berharap pelantikan Sidek diterima baik oleh semua lapisan perkhidmatan awam.